

**UCAPAN DASAR KETUA BAHAGIAN N5 TANDEK
SEMPENA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN BAHAGIAN N5 TANDEK
KALI KE 24, DEWAN KOMUNITI KOTA MARUDU, 11hb Mei 2009**

1. Selamat bertemu dan selamat bersidang sekali lagi pada Mesyuarat Agung Tahunan Parti Bersatu Sabah kali ke-24 Bahagian N5 Tandek pada tahun ini. Kita merasa berbahagia dan penuh pengucapan syukur kerana bukan sahaja parti melangkah setapak ke depan menuju usia kedewasaan tetapi juga pada tahun ini kita turut bersidang dalam sebuah dewan yang cukup besar dan selesa.
2. Bagi pihak kepimpinan parti dan seluruh warga Kota Marudu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri kerana telah meluluskan pembinaan dewan ini pada waktu kita memerlukannya. Pada hari ini kita cukup berbangga kerana dewan yang diberi telah terseragam indah dan mula berkhidmat kepada masyarakat Kota Marudu.
3. Dalam kesempatan ini juga saya ingin mengalu-alukan kedatangan semua lapisan kepimpinan parti daripada AJK Bahagian, Pergerakan Pemuda dan Wanita, ketua-ketua cawangan serta para perwakilan yang dihormati. Kesempatan bertemu dalam suasana sebegini amatlah baik agar kita saling dapat mengingat dan diingatkan mengenai peranan kita selaku ahli parti dan tanggungjawab kita sebagai pemimpin.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,
Kestabilan Politik Dalam Negara

4. Seperti yang kita semua maklum, kepimpinan Negara yang baru iaitu Perdana Menteri yang kita kasihi YAB

Dato' Seri Najib Razak adalah pemimpin yang boleh kita banggakan. Beliau amat faham dan tahu akan keperluan pembangunan di Sabah dan Sarawak. Selepas sahaja mengangkat sumpah untuk memegang jawatan sebagai Perdana Menteri, YAB telah memilih satu pendekatan yang amat baik dalam usaha untuk menambat serta mengambil hati seluruh rakyat Malaysia melalui konsep Satu Malaysia (1Malaysia).

5. Konsep ini adalah 'simple' dalam pendekatannya yakni kita sebagai rakyat Malaysia mempunyai peluang dan hak yang sama dalam menikmati kekayaan dan peluang-peluang yang terdapat di Negara ini. Negeri Sabah khususnya telah diberikan penghormatan yang begitu ketara melalui perlantikan empat (4) orang menteri dalam kabinet persekutuan. Saya yakin langkah ini dibuat secara sedar demi membuktikan bahawa kerajaan di bawah pimpinan YAB PM yang baru ingin dan bersungguh-sungguh untuk menjadikan semua negeri di Malaysia ini mempunyai tahap pembangunan yang sama termasuk wilayah Sabah dan Sarawak.
6. Pendekatan ini saya percaya boleh mengembalikan keyakinan rakyat dan seterusnya menstabilkan suasana politik di Negara ini. Kita turut memainkan peranan penting dalam hal ini. Saya ingin menyeru agar segenap lapisan kepimpinan dalam PBS Bahagian sungguh-sungguh mengambil iktibar dalam memperkukuhkan sokongan rakyat kepada kerajaan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

Memperkasa Pembangunan di P168 Kota Marudu

7. Terdapat cubaan daripada sesetengah pihak untuk memperlekehkan usaha pembangunan yang cuba kita capai. Memanglah masih terdapat banyak perkara yang perlu kita lakukan agar Kota Marudu dan juga kawasan

P168 Kota Marudu mencapai tahap pembangunan yang kita inginkan. Suka saya tekankan di sini bahawa pembangunan adalah satu proses dan ianya hanya boleh berlaku jika wujud usaha seiring daripada pelbagai pihak yang terlibat. Ia sesungguhnya usaha BERSAMA dan bukannya bergantung kepada kebijaksanaan seseorang individu semata-mata.

8. Di Kota Marudu khususnya dan di P168 Kota Marudu amnya, kita belum menghentikan usaha untuk memperbaiki tahap pembangunan yang ada. Kita akui bahawa perjalanan ke arah mencapai pembangunan seimbang masih jauh namun setakat ini saya boleh berbangga kerana antara banyak daerah miskin di Sabah, Kota Marudu adalah antara penerima projek-projek pembangunan yang ketara.
9. Bagi kawasan N5 Tandek, kerajaan telahpun meluluskan dan sedang dalam pelaksanaan dua fasa pertama pembinaan jalan Marak-Parak ke Poring-poring, Ranau yang nilai projeknya tidak kurang daripada 300 juta. Sejumlah RM17 juta sedang dibelanjakan dan RM100 juta dalam proses pengeluaran untuk fasa II pembinaan jalan tersebut. Dengan adanya kemudahan ini, kita berharap pergerakan penduduk ke kawasan pekan dan antara daerah dapat dipertingkatkan dan ini secara tidak langsung akan meningkatkan aktiviti ekonomi yang kita harapkan dapat membantu kemajuan di kawasan ini.
10. Selain daripada itu, kerajaan juga telah meluluskan naiktaraf fasa I Jalan Taiwan dan Jalan Radu yang masing-masing telah siap dibina pada tahun lalu. Saya juga telah menyentuh dan mengumumkan kelulusan pihak kerajaan terhadap pembinaan dan naiktaraf Jalan dari Kg. Talantang menuju ke Kg. Gana. Projek ini bernilai RM50 Juta. Dengan adanya jalan ini maka, usaha kita untuk membangunkan kawasan Gana semakin

dipermudahkan. Oleh itu saudara dan saudari sekalian, kita mempunyai banyak alasan untuk memberikan sokongan yang berterusan kepada pihak kerajaan.

11. Dalam Rancangan Malaysia ke-10 yang akan bermula pada tahun 2011-2015, saya berharap agar dua lagi jalan yang menghubungkan kawasan perkampungan utama di kawasan terpencil dalam kawasan N5 Tandek seperti jalan menuju ke Kg. Sungai Magandai dan jalan menuju ke Pampang Poring dapat dimasukkan. Pejabat saya akan menyusuli perkara ini agar Kota Marudu dan penduduknya boleh menikmati kemudahan jalan raya yang baik.

Tuan-tuan dan puah-puan sekalian,

12. Saya juga sedar bahawa masih terdapat banyak keperluan lain yang diperlukan di pelbagai kampong dan mukim. Pihak kerajaan melalui pejabat daerah dan pejabat perhubungan wakil rakyat Adun dan Ahli Dewan Rakyat sedang dalam usaha untuk mengenal pasti keperluan-keperluan tersebut dan akan berusaha untuk mencari penyelesaian secara berperingkat. Dalam masa yang sama, saya ingin menyeru semua pemimpin di peringkat kampong dan cawangan agar lebih telus dan jujur dalam mengemukakan atau melaporkan 'keperluan' di kampong masing-masing. Ingatlah bahawa kita ini adalah 'rakan sekerja' dan hanya akan berhasil untuk mencapai yang terbaik jika kita jujur untuk membantu antara satu sama lain.
13. Selaku Ahli Dewan Rakyat bagi P168 Kota Marudu, saya sedar tanggungjawab tidak hanya terbatas di kawasan N5 Tandek tetapi juga bagi kawasan N4 Matunggong. Kita amat berterima kasih kepada pihak kerajaan yang akhirnya telah meluluskan kira-kira RM10 juta bagi

- menguruskan penempatan semula semua penduduk yang telah terlibat dengan projek Empangan Milau kerajaan. Pecah tanah bagi memulakan projek pembinaan perumahan penduduk akan dilakukan dalam bulan Jun ini.
14. Di atas keprihatinan pihak kerajaan, pembinaan sebanyak tiga (3) buah rumah panjang di kawasan N4 Matunggong juga telah diluluskan. Projek ini pun akan dimulakan dalam masa terdekat dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM2.1 juta.
 15. Sasaran kita untuk membantu kedua-dua kawasan DUN ini akan berterusan. Antara lain yang diberi penekanan ialah penyediaan kemudahan air bersih dan kemudahan bekalan elektrik di kampung-kampung. Untuk merealisasikan perkara ini tidaklah mudah kerana proses membuat keputusan tidak terletak di tangan Adun atau wakil Ahli Parlimen tetapi pada kementerian yang bertanggungjawab. Sungguhpun demikian, penyediaan kemudahan-kemudahan ini adalah antara priority utama kita dalam 3 tahun akan datang.

Cabaran dan Kesimpulan

16. Terdapat beberapa isu yang masih perlu ditangani di daerah ini. Salah satunya ialah isu pemilikan tanah dan kawasan tanah kampung yang telah berlapis dengan kawasan Begaraya. Kawasan ini sekarang telah diambil alih oleh sebuah syarikat lain dan saya yakin pendekatan yang lebih baik dan berdiplomasi boleh dicapai melalui perundingan dengan syarikat terlibat. Bagi kawasan Begaraya yang sekarang telah bertukar milik kepada Asian Forestry Corporation (AFC), penyukatan sempadan akan dilakukan sekaligus dengan penyukatan kawasan-kawasan kampung yang perlu dikeluarkan.

17. Saya turut mendasarkan agar dalam dua tahun ini, isu tanah dapat diselesaikan dengan sebaiknya. Data yang telah dihantar ke pejabat daerah walaupun belum lengkap namun cukup memadai untuk diambil tindakan. Saya mengharapkan agar penduduk boleh bersabar sementara menunggu tindakan yang akan dilakukan seterusnya.
18. Akhir sekali, saya ingin mengajak semua perwakilan dan para pemimpin di peringkat akar umbi agar bangkit dan memperhatikan keadaan zaman kita sekarang. Kepesatan dalam perubahan dan perkembangan teknologi begitu pantas. Kita harus mulai mencari iktibar untuk bergerak bersama tuntutan zaman sekarang yakni memperlengkapkan diri kita dengan ilmu dan kemahiran yang diperlukan.
19. Jika kita merasa terbatas dengan keupayaan yang ada, berilah dorongan kepada anak-anak kita agar minat mereka untuk belajar dan mencari ilmu dapat dipupuk dan ditingkatkan. Jika kita tidak berbuat demikian, nescaya bangsa kita akan terus terpinggir dan menjadi 'hamba' kepada orang lain yang menguasai ilmu.
20. Penguasaan ilmu serta pengetahuan tentang teknologi masa kini akan membantu masyarakat kita untuk berdiri yakin dan memberikan sumbangan terhadap kemajuan diri, bangsa dan Negara ini. Ia juga akan membolehkan kita lebih berdikari daripada segi ekonomi dan ilmu dan sekaligus memperlengkapkan kita dengan senjata untuk bersaing dengan bangsa-bangsa lain di peringkat negeri, nasional dan global.
21. Dengan kata-kata tersebut, saya dengan sukacitanya merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan PBS Bahagian N5 Tandek kali Ke-24.

